

Pembangkang gagal yakinkan rakyat — TV Singapura

18 NOV 1999

JOHOR BAHRU 17 Nov. — Pakatan pembangkang sehingga kini masih gagal menyakinkan rakyat Malaysia supaya menyokong mereka bagi membentuk kerajaan baru pada pilihan raya umum 29 November ini, menurut rancangan televisyen Singapura, *Prime* malam tadi.

Kegagalan mendapatkan sokongan rakyat itu, kata siaran tersebut, dilihat sebagai kelemahan nyata parti-parti pembangkang apabila manifesto pilihan raya mereka telah dianggap sebagai tidak realistik.

Siaran langsung selama 15 minit itu yang dikendalikan oleh pengacaranya, Haslinda Ali membuat lintas langsung bersama penerbit slot *Detik* dari Kuala Lumpur berkata, suasana politik Malaysia kini tertumpu kepada usaha pembangkang untuk menubuhkan kerajaan baru.

Dalam lintas langsung bersama penerbitnya, Syaikh Mohd. Iqbal yang melaporkan dari Kuala Lumpur, Haslinda mengulas, keadaan itu timbul kerana pakatan pembangkang terlalu banyak menawarkan pelbagai khidmat dengan percuma dalam mani-

festonya yang dianggap tidak masuk akal.

Syaikh dalam temu bual bersama Haslinda pula melaporkan undi Melayu mungkin berpecah kepada dua bahagian berikutan kemunculan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), selain Pas dan UMNO.

Bagaimanapun, kata Syaikh, "rata-rata semua yakin Barisan Nasional (BN) akan menang 2/3 daripada kerusi Parlimen."

Pada masa yang sama dalam tinjauan rambang yang dibuat oleh stesen televisyen berkenaan, rata-rata rakyat Malaysia mahukan suara pembangkang dalam Parlimen diperbanyakkan.

"Apa yang lebih menarik masyarakat Cina masih mahukan kerajaan sekarang terus kekal kerana membara kemakmuran ekonomi dan tidak lagi merasakan kerajaan BN melakukan diskriminasi terhadap kaum Cina," katanya.

Rancangan *Detik* itu dapat disaksikan secara langsung oleh penduduk di sekitar Johor Bahru bermula pukul 8.30 malam.

Syaikh akan berada di Terengganu pada minggu hadapan untuk melaporkan mengenai perkembangan

terkini pilihan raya di negeri Pantai Timur itu.

Menurut Syaikh, pilihan raya umum ini menjadi perhatian dunia kerana BN dijangka bergelut dengan isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menghadapi perbicaraan di mahkamah.

"BN akan berdepan dengan isu rasuah dan isu kemanusiaan. Jika Melayu terbahagi kepada pro Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Anwar, suara pengundi Cina akan mempunyai peranan yang penting dalam pilihan raya kali ini.

"Persoalan yang timbul ialah sejauh mana kes Anwar akan menggugat peluang BN untuk meraih undi 2/3 dan dapatkah pembangkang meyakinkan rakyat dengan pelan bertindak yang lebih berkesan," katanya.

Menurut Syaikh, walaupun isu Anwar tidak lagi hangat, namun pembangkang terutama Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan menimbulkan isu tersebut.

Katanya, pembangkang meraih simpati undi di kalangan pengundi muda tetapi golongan dewasa lebih milihak kepada BN.

16